

02 NOV 1997

Taib-Padi

SARAWAK AKAN MEMPUNYAI KAWASAN TANAMAN PADI KOMERSIL

SARIKEI, 2 Nov (BERNAMA) -- Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata kawasan tanaman padi secara komersil yang pertama di negeri ini akan diwujudkan di Belawai, kira-kira 40 km dari sini.

Beliau berkata kawasan seluas kira-kira 7,500 hektar telah dikenal pasti bagi projek itu yang akan menggunakan jentera sepenuhnya daripada proses pembenihan hinggalah menuai.

Ini sebahagian daripada usaha kerajaan mengurangkan penggantungan kepada import beras, kata beliau kepada pemberita sebelum meletakkan batu asas masjid baru berharga RM10 juta bagi daerah Matu, dekat sini hari ini.

Beliau berkata Sarawak memerlukan antara 16,000 hingga 17,500 hektar kawasan tanaman padi untuk menjadi negeri pengeluar utama padi pada masa depan.

Taib berkata projek itu juga bertujuan ke arah mempelbagaikan kegiatan dan memperkukuhkan ekonomi negeri.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan elektrik ke kawasan luar bandar supaya tanah di kawasan-kawasan berkenaan dapat dibangunkan untuk kegiatan ekonomi.

Menurut Ketua Menteri, kerajaan negeri akan terus mempelawa pelabur asing melabur di negeri ini dalam usaha mempercepatkan proses pembangunan di Sarawak.

Beliau juga gembira bahawa rakyat terutama pemilik Tanah Adat telah bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam usaha membuka tanah-tanah mereka untuk tujuan pembangunan.

Taib berkata ada kira-kira tiga juta hektar tanah adat di negeri ini dan jika kira-kira 150,000 hektar dapat dibangunkan, ia akan menghasilkan pendapatan RM700 juta setahun.

Sementara itu, ketika mengulas kenyataan pembiayaan kewangan antarabangsa George Soros dalam wawancara dengan BBC malam tadi supaya diadakan kawalan terhadap pasaran, beliau berkata ini membuktikan bahawa kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu memang benar.

-- BERNAMA.

ESS FAZ